

## **PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (SISTEM KULTUR LAUT) 1990**

### **SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN**

#### *Peraturan*

1. Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Permohonan untuk mendapatkan dan pengeluaran permit.
4. Terma dan syarat permit.
5. Deposit.
6. Permohonan untuk mendapatkan dan pengeluaran lesen.
7. Terma dan syarat lesen.
8. Pembayaran fee.
9. Pengenalan sistem kultur laut.
10. Pembatalan lesen atau permit.
11. Kewajipan untuk memberitahu apabila berhenti mengendalikan suatu sistem kultur laut.
12. Kewajipan untuk membuang sistem kultur laut.
13. Deposit hendaklah dikembalikan selepas pembuangan.
14. Ketua Pengarah hendaklah membuang sistem kultur laut.
15. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan data, dll.
16. Penalti.
17. Sistem kultur laut yang sedia ada pada masa mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan.
18. Pengecualian.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

JADUAL KETIGA.

JADUAL KEEMPAT.

## **PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (SISTEM KULTUR LAUT) 1990\***

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 61, Akta Perikanan 1985, Menteri membuat peraturan-peraturan berikut:

### **1. Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian.**

(1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perikanan (Sistem Kultur Laut) 1990** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini di Malaysia Barat, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak masing-masingnya.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah hanya terpakai kepada sistem kultur di perairan kelautan Malaysia.

### **2. Tafsiran.**

Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kandang” ertinya suatu kepungan yang dibuat daripada bahan peng-adang yang dilekatkan kepada tiang yang ditanam ke dasar laut dan digunakan bagi maksud membesar atau menternak ikan;

“kawasan asuhan ikan” ertinya suatu establismen, struktur atau kemudahan yang mengendalikan pemeliharaan telur ikan, larvae, atau anak tetasan bagi maksud mengeluarkan fingerling ikan;

“kawasan kultur” ertinya suatu kawasan di mana kerang, tiram, kupang atau kekima telah dipindahkan dan dibiarkan untuk membesar;

“kawasan pembenihan semulajadi” ertinya suatu kawasan di mana benih kerang, tiram, kupang atau kekima yang terdapat dengan semulajadi;

“kawasan penetasan ikan” ertinya suatu establismen, struktur atau kemudahan yang mengendalikan pembiak-baik ikan bagi maksud penge-luaran benih ikan;

“kekima” ertinya dwicangkerang daripada genus *Paphia*;

“kerang” ertinya dwicangkerang daripada genus *Anadara*;

“kultur di dasar laut” ertinya kaedah menternak rumpai laut, kerang, tiram, kupang atau kekima di dasar laut;

---

\* Diterbitkan sebagai PU(A) 131/90.

“kultur mengguna rak” ertinya kaedah menternak rumpai laut, kerang, tiram, kupang atau kekima pada tali atau dulang yang terampai atau disokong dengan tiang yang melintang daripada apa jua bahan dan tiang melintang ini adalah kemudianya disokong oleh tiang yang menegak daripada apa jua bahan yang dipacakkkan ke dasar laut;

“kultur mengguna rakit” ertinya kaedah menternak rumpai laut, kerang, tiram, kupang atau kekima pada tali atau dulang yang terampai daripada suatu pelantar atau tali yang dibuat daripada apa jua bahan, yang diapungkan dengan pelampung dan dilabuhkan ke dasar laut;

“kultur mengguna tiang” ertinya kaedah menternak kupang atau tiram pada tiang yang diatur dalam barisan dan dipacakkkan ke dasar laut;

“kupang” ertinya apa-apa dwicangkerang daripada genus *Perna*, *Mytilus* dan *Modiolus*;

“rumpai laut” ertinya apa-apa tumbuhan akua daripada genus *Eucheuma* atau *Gracillaria*;

“sangkar” ertinya suatu kepungan yang tidak kira apa jua bentuk atau saiz yang dibuat daripada apa-apa bahan pengadang dan dilekatkan kepada struktur terapung yang dilabuhkan ke dasar laut;

“tiram” ertinya apa-apa dwicangkerang daripada genus *Crassostrea*, *Ostrea*, *Saccostrea* dan *Pteria*.

### **3. Permohonan untuk mendapatkan dan pengeluaran permit.**

(1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu permit bagi memasang suatu sistem kultur laut hendaklah dibuat secara bertulis kepada Ketua Pengarah.

(2) Permohonan itu hendaklah menyatakan jenis sistem kultur laut yang hendak dipasang dan tapak yang dicadangkan dan ianya hendaklah disertai dengan suatu pelan sesuatu tapak.

(3) Apabila menerima permohonan itu Ketua Pengarah hendaklah memeriksa tapak yang dinyatakan dalam permohonan dan jika dia berpuashati bahawa pemasangan sesuatu sistem kultur laut tidak akan merosakkan pemajuan perikanan di Malaysia, dia boleh mengeluarkan suatu permit.

### **4. Terma dan syarat permit.**

Suatu permit yang dikeluarkan di bawah peraturan 3 berkenaan dengan suatu sistem kultur laut hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam Jadual Pertama berkenaan dengan sistem kultur laut itu dan kepada apa-apa terma dan syarat lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.

## **5. Deposit.**

(1) Ketua Pengarah hendaklah, sebelum mengeluarkan suatu permit berkenaan dengan suatu sistem kultur laut, menghendaki seseorang pemohon membayar deposit sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Jadual Kedua berkenaan dengan sistem kultur laut itu.

(2) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu resit berkenaan dengan tiap-tiap pembayaran deposit.

## **6. Permohonan untuk mendapatkan dan pengeluaran lesen.**

(1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen bagi mengendalikan suatu sistem kultur laut hendaklah dibuat secara bertulis oleh pemegang permit kepada Ketua Pengarah dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(2) Apabila menerima permohonan itu Ketua Pengarah hendaklah memeriksa sistem kultur laut itu dan jika dia berpuashati bahawa pemasangan sesuatu sistem telah mematuhi terma dan syarat permit yang dikeluarkan di bawah peraturan 3 dia boleh mengeluarkan suatu lesen.

(3) Jika suatu lesen telah dikeluarkan, deposit yang dibuat berkenaan dengan permit itu hendaklah disifatkan sebagai suatu deposit yang dibuat berkenaan dengan lesen yang dikeluarkan.

## **7. Terma dan syarat lesen.**

Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah peraturan 6 hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dan kepada apa-apa terma dan syarat lain sebagaimana yang boleh dinyatakan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.

## **8. Pembayaran fee.**

Maka hendaklah dibayar berkenaan dengan lesen yang dikeluarkan di bawah peraturan 6 sesuatu fee sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

## **9. Pengenalan sistem kultur laut.**

(1) Suatu sistem kultur laut yang berlesen di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dikenali dengan suatu nombor yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pemegang lesen hendaklah membuat, dengan perbelanjaan sendiri, suatu plet nombor yang menunjukkan nombor yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dan plet nombor itu hendaklah mengikut penentuan saiz, bahan dan warna yang diberi oleh Ketua Pengarah.

(3) Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan plet nombor yang menunjukkan sesuatu nombor di bahagian sistem kultur laut yang mudah dilihat.

**10. Pembatalan lesen atau permit.**

Ketua Pengarah boleh membatalkan lesen atau permit itu jika pemegang lesen atau pemegang permit, mengikut mana yang berkenaan, telah gagal untuk mematuhi dengan apa-apa terma dan syarat tertakluk kepada yang telah dikeluarkan atau jika pemegang lesen atau pemegang permit itu telah melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

**11. Kewajipan untuk memberitahu apabila berhenti untuk mengendalikan suatu sistem kultur laut.**

Seseorang pemegang lesen yang berhenti mengendalikan suatu sistem kultur laut hendaklah dengan serta-merta memberitahu Ketua Pengarah bahawa dia telah berhenti mengendalikan sistem kultur laut itu.

**12. Kewajipan untuk membuang sistem kultur laut.**

(1) Seseorang pemegang lesen yang berhenti untuk mengendalikan suatu sistem kultur laut atau seseorang pemegang lesen atau pemegang permit yang lesen atau permitnya telah dibatalkan di bawah peraturan 10 hendaklah membuang atau menyebabkan dibuang sistem kultur laut itu tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas diberitahu oleh Ketua Pengarah untuk membuangnya.

(2) Tiada orang boleh membuang mana-mana sistem kultur laut, kecuali di bawah pengawasan Ketua Pengarah.

**13. Deposit hendaklah dikembalikan selepas pembuangan.**

Jika seseorang pemegang lesen atau pemegang permit telah membuang atau menyebabkan dibuang sistem kultur laut itu dengan perbelanjaannya sendiri dan dalam masa yang ditetapkan, deposit yang dibuat di bawah peraturan 5 hendaklah dikembalikan kepada pemegang lesen atau pemegang permit itu.

**14. Ketua Pengarah hendaklah membuang sistem kultur laut.**

(1) Jika seseorang pemegang lesen yang telah berhenti mengendalikan suatu sistem kultur laut atau seseorang pemegang lesen atau pemegang permit yang lesen atau permitnya telah dibatalkan di bawah peraturan 10 telah gagal untuk membuang atau menyebabkan dibuang sistem kultur laut itu dalam masa yang dinyatakan, Ketua Pengarah hendaklah diberi kuasa untuk mengambil segala langkah yang perlu untuk membuang dan membinasakannya.

(2) Apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dalam pembuangan dan pembinasan sistem kultur laut di bawah subperaturan (1) hendaklah dipotong daripada deposit yang dibuat di bawah peraturan 5.

(3) Jika perbelanjaan yang dilakukan dalam pembuangan dan pembinasan sistem kultur laut itu—

- (a) adalah kurang daripada amaun deposit itu, bakinya hendaklah dikembalikan kepada pemegang lesen atau pemegang permit;
- (b) melebihi amaun deposit itu, bakinya hendaklah didapatkan kembali daripada pemegang lesen atau pemegang permit sebagai hutang yang kena dibayar.

(4) Sesuatu sistem kultur laut yang dipasang tanpa permit atau dikendalikan tanpa lesen hendaklah dibuang dan dibinasakan oleh Ketua Pengarah dan tiada pampasan boleh dibayar kepada empunya berkenaan dengan pembuangan dan pembinasan sedemikian.

(5) Apa-apa ikan yang didapatkan daripada sistem kultur laut di bawah subperaturan (4) hendaklah dilelong dan seterusnya dikreditkan kepada hasil Kerajaan.

#### **15. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan data, dll.**

Seseorang pemegang lesen hendaklah, atas permintaan mengemukakan kepada pegawai perikanan suatu data, maklumat dan statistik yang berkaitan dengan sistem kultur laut itu yang dikendalikan olehnya sebagaimana yang boleh dikehendaki oleh pegawai perikanan.

#### **16. Penalti.**

Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat suatu permit atau lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila, disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit.

#### **17. Sistem kultur laut yang sedia ada pada masa mula berkuatkuasa-nya Peraturan-Peraturan.**

Mana-mana orang yang mengendalikan suatu sistem kultur laut hendaklah, dalam masa tiga bulan mula berkuatkuasa Peraturan-Peraturan ini—

- (a) membayar deposit seperti yang telah ditetapkan dalam Jadual Kedua berkenaan dengan sistem kultur laut yang dikendalikan olehnya; dan
- (b) mengambil segala langkah yang perlu memohon untuk mendapatkan suatu lesen bagi mengendalikan sistem kultur laut itu.

## **18. Pengecualian.**

Ketua Pengarah boleh, berkenaan dengan mana-mana sistem kultur laut yang telah sedia ada pada tarikh mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini, dengan perintah secara bertulis, mengecualikan mana-mana orang daripada mematuhi mana-mana terma dan syarat permit yang dikeluarkan di bawah peraturan 3.

---

### **JADUAL PERTAMA (Peraturan 4)**

#### **TERMA DAN SYARAT PERMIT BAGI SISTEM KULTUR LAUT**

##### **BAHAGIAN I**

###### ***SISTEM KULTUR MENGGUNA RAK DAN TIANG***

1. Rak atau tiang yang didirikan dalam tapak kultur hendaklah bersebelahan antara satu sama lain tetapi ianya boleh dalam apa-apa bentuk.
2. Jarak (jika ada) di antara dua sistem kultur yang berlesen hendaklah tidak kurang daripada dua puluh meter melainkan dibenarkan oleh Ketua Pengarah secara bertulis.
3. Hanya satu pelindung boleh dibina berkenaan dengan setiap sistem kultur menggunakan rak atau tiang dan saiz sesuatu pelindung itu hendaklah ditentukan oleh Pegawai Perikanan.
4. Tiang yang digunakan untuk menanda sempadan luar sistem kultur menggunakan rak atau tiang hendaklah dicatkan dengan cat putih yang bercahaya supaya dapat dilihat di waktu malam dan semasa air pasang penuh.
5. Suatu lampu putih hendaklah dipasang pada sistem kultur menggunakan rak atau tiang dan dinyalakan daripada matahari masuk hingga matahari terbit. Lampu itu hendaklah dapat dilihat sekurang-kurangnya satu batu nautika dari tiap-tiap arah sistem kultur itu.
6. Pemegang permit tidak boleh mengubah atau meluaskan lokasi sistem kultur atau menukar struktur sistem kultur itu tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah.
7. Sistem kultur menggunakan rak atau tiang hendaklah dipasang dalam masa tiga bulan daripada tarikh pengeluaran permit atau dalam masa sesuatu tempoh panjang sebagaimana Ketua Pengarah boleh benarkan.

8. Pemegang permit hendaklah memohon untuk mendapatkan suatu lesen bagi mengendalikan sistem kultur mengguna rak atau tiang sebaik sahaja ia telah siap dipasang dan dalam apa-apa hal tidak lewat daripada dua puluh satu hari selepas tarikh pemasangannya.
9. Tiada sistem kultur mengguna rak atau tiang boleh dipasang dalam apa-apa cara yang boleh menyebabkan galangan kepada pelayaran.

**BAHAGIAN II**  
**SISTEM KULTUR MENGGUNA RAKIT**

1. Jarak (jika ada) di antara dua sistem kultur yang berlesen hendaklah tidak kurang daripada dua puluh meter melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah.
2. Rakit hendaklah dilabuhkan secara kukuh ke dasar laut.
3. Hanya satu pelindung boleh dibina berkenaan dengan setiap sistem kultur mengguna rakit dan saiz sesuatu pelindung hendaklah ditentukan oleh Pegawai Perikanan.
4. Sudut luar setiap sistem kultur mengguna rakit itu hendaklah dicatkan dengan cat berbahaya putih supaya ianya dapat dilihat di waktu malam dan semasa air pasang penuh.
5. Suatu lampu putih hendaklah dipasang pada sistem kultur mengguna rakit dan dipasang daripada matahari masuk hingga matahari terbit. Lampu itu hendaklah dapat dilihat sekurang-kurangnya satu batu nautika dari tiap-tiap arah sistem kultur itu.
6. Pemegang permit tidak boleh mengubah atau meluaskan lokasi sistem kultur itu atau menukar struktur sistem kultur itu tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah.
7. Sistem kultur mengguna rakit itu hendaklah dipasang dalam masa tiga bulan dari tarikh pengeluaran permit atau dalam masa sesuatu tempoh panjang sebagaimana Ketua Pengarah boleh benarkan.
8. Pemegang permit hendaklah memohon untuk mendapatkan suatu lesen bagi mengendalikan sistem kultur mengguna rakit itu sebaik sahaja sistem kultur mengguna rakit itu telah dipasang dan dalam apa-apa hal tidak lewat daripada dua puluh satu hari selepas tarikh pemasangannya.
9. Tiada sistem kultur mengguna rakit boleh dipasang dalam apa-apa cara yang menyebabkan galangan kepada pelayaran.

**BAHAGIAN III**  
***SISTEM KULTUR MENGGUNA SANGKAR DAN KANDANG***

1. Jarak (jika ada) di antara dua sistem kultur yang berlesen hendaklah tidak kurang dari dua puluh meter melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah.
2. Hanya satu pelindung boleh dibina berkenaan dengan setiap sistem kultur mengguna sangkar atau kandang dan saiz sesuatu pelindung hendaklah ditentukan oleh Pegawai Perikanan.
3. Sudut luar setiap sistem kultur mengguna sangkar atau kandang hendaklah dicatkan dengan cat putih yang bercahaya supaya ianya dapat dilihat di waktu malam dan semasa air pasang penuh.
4. Suatu lampu putih hendaklah dipasang pada sistem kultur mengguna sangkar atau kandang dan dinyalakan daripada matahari masuk hingga matahari terbit. Lampu itu hendaklah dapat dilihat sekurang-kurangnya satu batu nautika dari tiap-tiap arah sistem kultur itu.
5. Seseorang pemegang permit tidak boleh mengubah atau meluaskan lokasi sistem kultur itu tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah.
6. Sistem kultur mengguna sangkar atau kandang hendaklah dipasang dalam masa tiga bulan daripada tarikh pengeluaran permit atau dalam masa sesuatu tempoh panjang sebagaimana pegawai perikanan boleh benarkan.
7. Pemegang permit hendaklah memohon untuk mendapatkan suatu lesen bagi mengendalikan sistem kultur mengguna sangkar atau kandang sebaik sahaja sistem kultur itu dipasang dan dalam apa-apa hal tidak lewat daripada dua puluh satu hari selepas tarikh pemasangannya.
8. Tiada sistem kultur mengguna sangkar atau kandang boleh dipasang dalam apa-apa cara yang menyebabkan galangan kepada pelayaran.

**BAHAGIAN IV**  
***SISTEM KULTUR DI DASAR LAUT***

1. Kawasan sistem kultur di dasar laut hendaklah ditandakan dengan menggunakan beberapa tiang yang biasanya dikenali sebagai “pancang” yang dipacakkan secara menegak ke dasar laut untuk menandakan sempadan kawasan kultur itu. Bilangan tiang yang digunakan hendaklah ditentukan oleh Pegawai Perikanan.
2. Tiang-tiang yang digunakan untuk menandakan sempadan luar sesuatu sistem kultur di dasar laut hendaklah dicatkan dengan cat putih yang bercahaya supaya ianya dapat dilihat di waktu malam dan semasa air pasang penuh.

3. Pemegang permit tidak boleh mengubah atau meluaskan lokasi sistem kultur itu atau menukar struktur sistem kultur tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah.
4. Tiada sistem kultur di dasar laut boleh dipasang dalam apa-apa cara yang menyebabkan galangan kepada pelayaran.

## BAHAGIAN V

### *KAWASAN PENETASAN DAN ASUHAN IKAN*

1. Pemegang permit tidak boleh membiak-baik atau mengeluarkan apa-apa spesies ikan selain daripada spesies yang dinyatakan dalam permit itu.
2. Pemegang permit hendaklah memasang sehingga Ketua Pengarah berpuashati, kemudahan yang mencukupi untuk memastikan pembersihan sewajarnya air yang dibuang daripada kawasan penetasan atau asuhan.
3. Pemegang permit tidak boleh mengubah atau meluaskan lokasi kawasan penetasan atau asuhan ikan tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah.
4. Kawasan penetasan atau asuhan ikan hendaklah dipasang dalam masa dua belas bulan daripada tarikh pengeluaran permit itu atau dalam masa sesuatu tempoh panjang sebagaimana Pegawai Perikanan boleh benarkan.
5. Pemegang permit hendaklah memohon untuk mendapatkan suatu lesen bagi mengendalikan kawasan penetasan atau asuhan ikan tidak lewat daripada tiga bulan selepas ianya siap dipasang.

### JADUAL KEDUA (Peraturan 5)

#### DEPOSIT BAGI SISTEM KULTUR LAUT

<i>Sistem Kultur Laut</i>	<i>Deposit</i>
1. Sistem Kultur Mengguna Rak	RM1.00 semeter persegi permukaan air
2. Sistem Kultur Mengguna Tiang	RM1.00 semeter persegi permukaan air
3. Sistem Kultur Mengguna Rakit	RM1.00 semeter persegi permukaan air
4. Sistem Kultur Mengguna Sangkar	RM1.00 semeter persegi permukaan air
5. Sistem Kultur Mengguna Kandang	RM1.00 semeter persegi permukaan air
6. Sistem Kultur di Dasar Laut	RM5.00 bagi setiap hektar yang dikulturkan
7. Kawasan penetasan	Tiada deposit dikehendaki
8. Kawasan Asuhan	Tiada deposit dikehendaki

**JADUAL KETIGA**  
**(Peraturan 7)**

**TERMA DAN SYARAT SUATU LESEN BAGI**  
**SISTEM KULTUR LAUT**

1. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pengendalian sistem kultur laut itu adalah dalam masa tiga bulan daripada tarikh pengeluaran lesen itu.
2. Kecuali berkenaan dengan kultur di dasar laut, kawasan penetasan dan kawasan asuhan, suatu lampu putih hendaklah dipasang pada tiap-tiap sistem kultur laut dan dinyalakan daripada matahari masuk hingga matahari terbit. Lampu itu hendaklah dapat dilihat sekurang-kurangnya satu batu nautika dari tiap-tiap arah sistem kultur itu.
3. Pemegang lesen tidak boleh mengubah atau meluaskan lokasi sistem kultur itu atau menukar struktur sistem kultur tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah.
4. Pemegang lesen hendaklah dengan segera melaporkan apa-apa penyakit yang bermula di sistem kultur itu kepada Ketua Pengarah.
5. Pemegang lesen tidak boleh memungut atau menawarkan bagi jualan apa-apa ikan atau benih ikan yang diperolehi dari suatu sistem kultur laut dalam sesuatu tempoh atau tempoh-tempoh jika perairan atau di mana suatu sistem kultur laut itu dikendalikan adalah dicemari atau dijangkiti oleh apa-apa bahan organik atau bukan organik atau organisma yang merbahaya kepada manusia. Walau bagaimanapun, ikan atau benih ikan boleh, dengan kebenaran Ketua Pengarah, boleh dipungut, tetapi hanya bagi maksud memusnahkannya.
6. Pemegang lesen hendaklah membenarkan mana-mana pegawai perikanan untuk melawat atau memeriksa sistem kultur laut itu.
7. Bagi maksud penyelidikan atau penyiasatan, pemegang lesen hendaklah membenarkan Ketua Pengarah untuk mengambil sampel ikan, air, makanan ikan dan bahan kimia yang digunakan dalam sistem kultur laut dan Ketua Pengarah hendaklah mengakuterima secara bertulis penerimaan apa-apa butiran yang diambil.
8. Pemegang lesen hendaklah memberi apa-apa maklumat mengenai pengendalian suatu sistem kultur sebagaimana yang diminta oleh mana-mana pegawai perikanan.
9. Pemegang lesen hendaklah mematuhi dengan apa-apa arahan mengenai kebersihan dan kesihatan ikan sebagaimana yang boleh dikenakan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.
10. Tiada sistem kultur laut boleh dikendalikan dalam apa-apa cara yang menyebabkan galangan kepada pelayaran.

11. Pemegang lesen tidak boleh memindahmilik lesen berkenaan dengan sistem kultur laut tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Ketua Pengarah.
  12. Pemegang lesen hendaklah terus mematuhi dengan segala terma dan syarat permit yang dikeluarkan berkenaan dengan sistem kultur laut itu.
- 

**JADUAL KEEMPAT**  
**(Peraturan 8)**

**FEE BAGI LESEN SISTEM KULTUR LAUT**

<i>Sistem Kultur Laut</i>	<i>Fee</i>
1. Sistem Kultur Mengguna Rak	<p>RM10.00 setahun bagi setiap sistem kultur yang meliputi kawasan permukaan air seluas 200m<sup>2</sup> atau kurang</p> <p>Bagi setiap tambahan kawasan permukaan air seluas 100m<sup>2</sup> atau sebahagian daripadanya, suatu tambahan fee sebanyak RM5.00 setahun.</p>
2. Sistem Kultur Mengguna Tali	<p>RM10.00 setahun bagi setiap sistem kultur yang meliputi kawasan permukaan air seluas 200m<sup>2</sup> atau kurang</p> <p>Bagi setiap tambahan kawasan permukaan air seluas 100m<sup>2</sup> atau sebahagian daripadanya, suatu tambahan fee sebanyak RM5.00 setahun.</p>
3. Sistem Kultur Mengguna Rakit	<p>RM10.00 setahun bagi setiap sistem kultur yang meliputi kawasan permukaan air seluas 200m<sup>2</sup> atau kurang</p> <p>Bagi setiap tambahan kawasan permukaan air seluas 100m<sup>2</sup> atau sebahagian daripadanya, suatu tambahan fee sebanyak RM5.00 setahun.</p>

<b>4. Sistem Kultur Mengguna Sangkar</b>	RM10.00 setahun bagi setiap sistem kultur yang meliputi kawasan permukaan air seluas 200m <sup>2</sup> atau kurang  Bagi setiap tambahan kawasan permukaan air seluas 100m <sup>2</sup> atau sebahagian daripadanya, suatu tambahan fee sebanyak RM5.00 setahun.
<b>5. Sistem Kultur Mengguna Kandang</b>	RM10.00 setahun bagi setiap sistem kultur yang meliputi kawasan permukaan air seluas 200m <sup>2</sup> atau kurang  Bagi setiap tambahan kawasan permukaan air seluas 100m <sup>2</sup> atau sebahagian daripadanya, suatu tambahan fee sebanyak RM5.00 setahun.
<b>6. Sistem Kultur di Dasar Laut</b>	RM50.00 setahun bagi setiap sistem kultur
<b>7. Kawasan penetasan</b>	RM10.00 setahun bagi setiap sistem kultur
<b>8. Kawasan asuhan</b>	RM10.00 setahun bagi setiap sistem kultur

Diperbuat pada 13hb April 1990.